

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7/1982

KADAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIUBAH JENIS DAN SYARAT KEGUNAAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124 KANUN TANAH NEGARA.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pemungut Hasil Tanah tentang pembatalan rangkai kata “atau untuk kegunaan sendiri” yang terdapat di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil.1/1981.

2. Kertas MMK.Bil.13/349/82(4) yang mengesyorkan supaya rangkai kata “atau untuk kegunaan sendiri” yang terdapat di Perenggan 2.1.(a) (1) dan b (i) Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 1/81 itu dibatalkan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam sidangnyanya pada 14hb. Julai, 1982.
3. Dengan itu di dalam menentukan kadar premium tambahan penukaran jenis dan syarat kegunaan tanah, faktor kegunaan bangunan itu (sama ada untuk digunakan sendiri atau dijual/disewa) tidak lagi diambil kira. Ini bermakna jika satu lot tanah itu akan dipecahkan kepada 5 lot (sama ada untuk kegunaan sendiri atau tidak) maka kadar premium tambahannya ialah 5% (bagi bangunan kediaman) dan 10% (bagi bangunan perniagaan) walaupun tanah itu dimiliki oleh 5 orang.

4. Perubahan ini akan berkuatkuasa mulai 16hb. September, 1982 dan semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil perhatian dan tindakan ke atas perubahan itu.

t.t

(Md. Hussain bin Hassan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
KOTA BHARU.**

BERTARIKH : 11hb. September, 1982.

FAIL : P.T.G. (KN.) SULIT BIL.3/81/(12).

KEPADA :

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

SALINAN KEPADA :

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan.

Ketua Cawangan Odit, Kelantan.

Pengarah Rancangan Penyelesaian Tanah, Kelantan.

Pengarah TAKDIR Kelantan.

Setiausaha, Menteri Besar, Kelantan.